

# Krisis dalam Pemuda MCA peringkat negeri meruncing

UM 30 JAN 2003

KUALA LUMPUR 29 Jan. — Krisis dalam Pemuda MCA peringkat negeri meruncing dengan pertikaian terbaru pemimpin Kumpulan B mempersoalkan kesahihan pelantikan Ketua Pemuda Wilayah Persekutuan, Hang Chin Peng pada Jumaat lepas.

Jurucakap Kumpulan B, Yee Poh Ping berkata, mereka membantah keputusan yang dibuat oleh Pengerusi MCA Wilayah Persekutuan, Datuk Tan Chai Ho kerana pelantikan Chin Peng dari Kumpulan A tidak mematuhi Perlembagaan Pergerakan Pemuda dan melanggar syarat pelan damai tahun lalu.

"Pelantikan dibuat tanpa mengikut prinsip pelan damai dan bercanggah dengan Perlembagaan Pemuda parti," katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA di sini hari ini.

Setiausaha Agung Pemuda MCA, Liow Tiong Lai turut hadir pada sidang akhbar itu.

Poh Ping menjelaskan, pihaknya juga menolak pelantikan Chin Peng kerana Ketua Pemuda Bahagian Batu itu dipercayai antara pemimpin yang terlibat dalam insiden 'baling kerusi' semasa Perhimpunan Agung Pemuda MCA di sini pada 3 Ogos 2001.

Sebelum ini, pelantikan Wong Koon Mun sebagai Ketua Pemuda Selangor turut dibantah atas sebab yang sama.

Alasan yang diberikan oleh barisan Pemuda mewakili Kumpulan B ialah sebarang pengisian jawatan ketua pemuda negeri perlu dibuat secara pengundian oleh delegasi Pemuda dan bukan secara pelantikan.

Sekiranya terdapat pertikaian memilih calon maka jawatan tersebut perlu dikosongkan sehingga satu keputusan bersama dapat dicapai.

Syarat itu, menurut mereka, terkandung dalam pelan damai tajaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun menurut mereka, sekiranya pengundian terpaksa dibuat, maka senarai keahlian perlu dibersihkan daripada pengundi hantu terlebih dahulu bagi memastikan keputusan dicapai secara demokratik dan telus.

Pelantikan dua lagi Ketua Pemuda negeri iaitu Pulau Pinang dan Negeri Sembilan selepas ini dijangka menghadapi senario yang sama sekiranya ia diputuskan oleh pengerusi perhubungan negeri masing-masing.

Pada sidang akhbar itu, Poh Ping turut menyerahkan memorandum bantahan kepada Tiong Lai untuk diambil tindakan.

## Menyokong

Poh Ping yang juga Timbalan Ketua Pemuda MCA Kepong menjelaskan, pada mesyuarat 24 Januari itu, Chai Ho memanggil pemimpin Pemuda dari 11 bahagian untuk membincangkan perkara tersebut.

Katanya, tujuh bahagian menyokong pelantikan Chin Peng sebagai ketua pemuda iaitu bahagian Batu, Bandar Tun Razak, Cheras, Wangsa Maju, Lembah Pantai, Labuan dan Segambut.

Empat lagi bahagian iaitu Kepong, Titiwangsa, Seputeh dan Bukit Bintang tidak bersetuju.

Poh Ping berkata, satu memorandum bantahan juga akan dihantar kepada Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat selepas sambutan Tahun Baru Cina.

Sementara itu, Tiong Lai yang juga Ahli Parlimen Bentong berkata, pihaknya akan membuat siasatan berhubung tindakan yang dibuat oleh MCA Wilayah Persekutuan itu.

Pihaknya juga meminta supaya polis dan Jabatan Peguam Negara menyegerakan siasatan berhubung insiden baling kerusi supaya mereka yang terlibat dihidupkan ke muka pengadilan.